

**PERTEMUAN BUDAYAWAN
BIMP – EAGA II**

9 – 10 OKTOBER 2003

MERDEKA PALACE

**TRADISI SASTERA DI WILAYAH BIMP-EAGA
DALAM MEMPERKUKUH
HUBUNGAN EKONOMI DAN SOSIAL**

ANJURAN BERSAMA

KERAJAAN NEGERI SARAWAK
MAJLIS BAHASA DAN SASTERA SABAH (MBSS)
GABUNGAN PERSATUAN PENULIS NASIONAL (GAPENA)
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA MALAYSIA (DBP)
MAJLIS SASTERA ASIA TENGGARA (MASTERA)
PEJABAT KEBUDAYAAN DAN KESENIAN WILAYAH SARAWAK
ANGKATAN SASTERAWAN SARAWAK (AKSARA)

**SASTERA DAN BUDAYA DALAM KONTEKS PENGUKUHAN
HUBUNGAN EKONOMI DAN SOSIAL**

OLEH:
DATUK SAPAWI HJ. AHMAD

SASTERA DAN BUDAYA DALAM KONTEKS PENGUKUHAN HUBUNGAN EKONOMI DAN SOSIAL

Oleh

Datuk Sapawi Hj. Ahmad
Pengerusi
Majlis Bahasa dan Sastera Sabah

Pendahuluan

Peranan sastera dan budaya dalam mencorakkan hidup sesuatu masyarakat bukanlah imaginasi para aktivis sastera dan budaya. Peranan itu sendiri “hidup” dalam masyarakat sama ada disedari ataupun tidak disedari. Oleh itu premis “*sastera dan budaya dapat mengukuhkan hubungan ekonomi dan sosial*” juga bukanlah harapan yang tidak berpijak di bumi nyata. Kertas ini cuba menyorot peranan tersebut dalam konteks sejarah dan mencadangkan strategi peranan yang dapat mengukuhkan hubungan ekonomi dan sosial dalam kerjasama serantau BIMP-EAGA (*Brunei-Indonesia-Malaysia-Phillipines East ASEAN Growth Area*).

Latar belakang Sejarah

Malaysia, Indonesia, Brunei dan Filipina sebenarnya memang memiliki pelbagai persamaan aspek kehidupan. J.A.C. Mackie menggunakan istilah “*blood brothers*” untuk menggambarkan latar belakang sejarah yang sama dalam berbagai aspek kehidupan antara lain dalam aspek budaya, politik, atau ekonomi.¹ Hubungan itu sebenarnya sudah terbina lebih dari 1500 tahun yang silam. Pertautan itu kemudiannya menjadi semakin kukuh setelah kedatangan Islam ke Alam Melayu. Masyarakat Melayu di wilayah ini telah menggunakan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* dalam aktiviti kehidupan harian, dan tulisan jawi sebagai komunikasi bertulis mereka. Berdasarkan latar belakang itu, sekurang-kurangnya ada tiga ciri utama yang menjadi teras persamaan yang mencorakkan hubungan “*blood brothers*” ini: budaya, bahasa dan agama. Para ahli sejarah bersetuju, bahawa keserasian hubungan budaya, bahasa dan agama di alam Melayu banyak membantu memperkembangkan aspek sosial dan ekonomi rantau ini.

Dalam konteks yang lebih kecil, kita dapati sebelum adanya peraturan imigresen

dan pelabuhan berdasarkan sempadan negara, sebenarnya telah terdapat hubungan dan aliran pergerakan yang agak bebas di kalangan orang-orang Borneo, Kalimantan, Mindanao dan Brunei. Hubungan sejak ratusan tahun itu biasanya berbentuk dagangan dan sosial. Bagaimanapun penjajah telah merubah suasana itu dengan meletakkan sempadan apabila mereka membahagi-bahagikan kawasan tanah jajahannya. Perubahan ini telah memberi kekangan hubungan dagangan dan sosial masyarakat setempat. Di samping itu kesan penjajah juga serba sedikit sudah merubah keserasian budaya, bahasa dan agama rantau sebelah sini. Oleh itu rangkaian ekonomi dan sosial ini walaupun terus berlaku tetapi dalam bentuk yang terhad.

Dari segi sejarahnya, kesedaran mempersatukan rumpun Melayu pasca merdeka muncul dalam konsep *Maphilindo* (Malaysia, Filipina dan Indonesia) pada pertengahan tahun 1963, suatu gagasan yang dikemukakan oleh ketiga-tiga pemimpin negara berkenaan. Walaupun gagasan itu tidak berjaya sepenuhnya, tetapi kegigihan para pemimpin negara rantau ini akhirnya berjaya juga membentuk suatu gabungan yang dikenali sebagai ASEAN. Selepas itulah kita dapati kerjasama pelbagai bentuk mula berkembang di kalangan negara anggota.

Latar belakang BIMP-EAGA

BIMP-EAGA bermaksud Pertubuhan Kawasan Pertumbuhan Brunei-Indonesia-Malaysia-Filipina Asean Timur (*Brunei-Indonesia-Malaysia-Phillipines East ASEAN Growth Area*). Ia seperti juga pertubuhan serantau lain iaitu Segi tiga Pertumbuhan Malaysia Indonesia dan Thailand (MITGT), Segi tiga Pertumbuhan Malaysia, Indonesia dan Singapura (MISGT), serta kawasan Pembangunan Australia-Indonesia (AIDA). BIMP-EAGA meliputi keseluruhan Kesultanan Brunei Darussalam; 10 wilayah Kalimantan, Sulawesi, Irian Jaya dan Maluku di Indonesia; Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan di Malaysia; dan Palawan dan Mindanao di Filipina. BIMP-EAGA secara rasminya ditubuhkan oleh kerajaan Brunei, Indonesia, Malaysia dan Filipina pada Mac 1994 di Bandar Davao, Mindanao, Filipina.

Pada dasarnya konsep BIMP-EAGA melibatkan kerjasama ekonomi di kalangan sub wilayah EAGA melalui; perdagangan dan pelaburan yang saling melengkapi dan tanpa sempadan; pembangunan melalui rakan-kongsi perniagaan; dan, pembangunan

infrastruktur rangkaian. Oleh itu tujuan utama EAGA ialah meningkatkan dagangan, pelancongan dan pelaburan dalam kawasan berkenaan berdasarkan objektif berikut:

- (a) Mempercepatkan pembangunan sektor swasta yang berorientasikan ekonomi;
- (b) Melicinkan aliran bebas - sumber manusia, barangan dan perkhidmatan;
- (c) Menganjurkan integrasi ekonomi yang lebih luas di kalangan EAGA khususnya dalam dagangan komoditi, industri perkhidmatan, infrastruktur bersama dan sumber semula jadi; dan
- (d) Menggalakkan ekonomi yang saling melengkapi.

Dari segi mekanisme pelaksanaan EAGA, ia melibatkan sektor swasta dalam 13 Kumpulan Kerja² dan *EAST ASEAN Business Council* (EABC) yang akan mencadangkan cadangan-cadangan strategik. Cadangan-cadangan tersebut akan dipanjangkan oleh Kumpulan Kerja berkaitan ke peringkat Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan (SOM) dan menteri untuk tindakan lanjut. Sebagai pilihan, komuniti peniaga boleh memilih untuk menyalurkan keprihatinan mereka melalui EABC dan seterusnya sebagai delegasi khas mereka secara kolektif menyuarakannya dalam Mesyuarat Peringkat Pegawai Kanan (SOM).

Setakat ini BIMP-EAGA telah berjaya mengembangkan kerjasama ekonomi seperti yang dihasratkan; berkembangnya interaksi perniagaan dan dagangan, peningkatan dalam pelaburan, mengujudkan hubungan terus udara dan laut, perubahan polisi yang memberangsangkan, pertumbuhan pembangunan infrastruktur dan perluasan hubungan sosiobudaya. Status BIMP-EAGA semakin kukuh apabila mendapat pengiktirafan daripada pemimpin-pemimpin ASEAN.³

Walau bagaimanapun beberapa cabaran perlu ditangani supaya hubungan dapat terus berkembang dan produktif. Menteri Pertahanan Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak pernah menggambarkan bahawa hubungan yang produktif itu dapat direalisasikan jika cabaran "*historical baggage*" dapat ditangani dengan cermat.⁴ Sekurang-kurang ada tiga isu yang timbul daripada "*historcal baggage*" - "beban sejarah" yang diwarisi daripada penjajah.⁵ Pertama, tuntutan bertindih di kalangan negara yang terlibat terhadap kawasan masing-masing. Dalam keadaan sekarang, seperti tuntutan Filipina ke atas Sabah, kesan tuntutan Indonesia ke atas Pulau Ligitan dan Sipadan (sudah diselesaikan melalui Mahkamah Antarabangsa), kawasan kelabu sempadan antara Limbang, Sarawak

dan Brunei berpotensi menghalang keberkesanan pelaksanaan EAGA.

Kedua, isu yang berkaitan dengan bahasa. Penggunaan Bahasa Inggeris di kalangan komuniti peniaga dari Malaysia, Brunei dan Filipina adalah gambaran pengaruh penjajah British dan Amerika. Indonesia pula yang dijajah oleh Belanda tidak menggunakan Bahasa Inggeris. Pada hal Malaysia, Brunei dan Indonesia secara umumnya boleh berkomunikasi menggunakan Bahasa Melayu. Keadaan seperti ini boleh menjejaskan kelancaran komunikasi di kalangan anggota EAGA.

Selain daripada isu tuntutan kawasan dan bahasa isu ketiga yang timbul daripada “beban sejarah” ini ialah faktor budaya dan agama, sebagai contoh, Davao, Sulawaesi Utara dan Maluku Selatan kebanyakannya beragama Kristian, Borneo dan Mindanao Barat pula beragama Islam. Di samping itu kesan budaya lain yang diwarisi daripada penjajah serba sedikit akan menghilangkan keserasian budaya hidup yang pernah mereka alami sebelum penjajah dahulu.

Sebenarnya, permasalahan yang mungkin timbul daripada “beban sejarah” warisan penjajah itu, tidak akan dapat diselesaikan secara tuntas semata-mata melalui perundangan atau polisi-polisi tertentu sahaja. Oleh itu, kita percaya lompang yang ditinggalkan itu dapat ditangani jika pendekatan ‘lembut’ sastera dan budaya dimanfaatkan. Dalam erti kata yang lain pengukuhan hubungan ekonomi dan sosial di kalangan anggota EAGA dapat diperkukuhkan melalui sastera dan budaya seperti mana yang terbukti berdasarkan pengalaman sejarah rantau ini.

Pengukuhan Ekonomi dan Sosial melalui Sastera dan Budaya

Budaya adalah keseluruhan hal yang kompleks termasuk pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, hukum, adat istiadat, dan kemampuan serta kebiasaan lain yang diperoleh manusia sebagai anggota masyarakat. “Budaya” dalam perbincangan kertas ini merujuk pada pola sikap mental dan fizikal menurut suatu sistem nilai kepercayaan yang dianuti bersama oleh suatu kelompok manusia.

Sastera pula ialah bahasa yang digunakan dalam kitab-kitab (bukan bahasa basahan). Bahasa yang digunakan mempunyai pengertian dan maksud yang tersurat dan maksud yang di sebaliknya dalam pengucapan tersebut. Ia jarang digunakan dalam percakapan biasa. Dalam hubungan ini, kesusasteraan bermaksud kumpulan buku-buku

yang indah bahasanya kerap digarap sebagai ciptaan sastera. Ciptaan sastera itu indah, maka ia termasuk dalam golongan ciptaan seni iaitu ciptaan seni yang menggunakan bahasa sebagai alat perantaraannya. Oleh itu sastera adalah sebahagian cara khusus pengungkapan nilai-nilai murni budaya masyarakat berkenaan.

Berdasarkan takrif budaya dan sastera di atas maka kita berkeyakinan bahawa budaya dan sastera mampu mengukuhkan hubungan ekonomi dan sosial yang menjadi teras dalam konsep BIMP-EAGA. Oleh itu, konsep budaya yang berkisar dalam tarian dan nyanyian untuk mengisi masa lapang dan rehat selepas bermesyuarat perlu dikembangkan dengan inti sari budaya dan sastera yang lebih luas. Dalam maksud yang lain, pengukuhan hubungan ekonomi melalui budaya dan sastera hanya dapat dilahirkan jika budaya dan sastera berperanan lebih luas dalam ruang lingkup BIMP-EAGA.

Usaha awal penerokaan kerjasama budaya BIMP-EAGA telah dilakukan apabila Pertemuan Budayawan Serantau BIMP-EAGA berlangsung dengan jayanya di Kota Kinabalu pada 11-14 September 2000. Pertemuan yang diusahakan dan diselenggarakan oleh Majlis Bahasa dan Sastera Sabah, Kerajaan Negeri Sabah dan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) itu mendapat dukungan GAPENA yang memainkan peranan utama dalam mengumpul para budayawan dari empat negara-wilayah EAGA. Walau bagaimanapun pertemuan itu perlu mendapat susulan yang lebih kerap dan konkrit untuk memastikan kehadiran sastera dan budaya itu benar-benar dirasai dalam BIMP-EAGA.

Ada dua perspektif bagaimana sastera dan budaya berperanan penting dalam mengukuhkan hubungan ekonomi dan sosial. Pertama, melihat sastera dan budaya sebagai sumber ekonomi. Ini bermaksud kekayaan budaya masyarakat setempat dijadikan sebagai aset berharga yang bukan sahaja mengembangkan ekonomi mereka yang berurusan malahan akan membantu secara tidak langsung masyarakat setempat yang terlibat. Usaha ini dapat dikembangkan melalui pakej pelancongan yang melibatkan pelancongan masyarakat setempat atau melibatkan pelancong luar yang melancung kawasan-kawasan pelancongan EAGA secara terancang dan berterusan. /

Kedua, menerapkan "*kesedaran budaya*" dalam pengurusan ekonomi. Kekuatan sesuatu organisasi korporat yang beroperasi dalam persekitaran budaya yang berlainan bergantung kepada dua perkara:

- (a) kepekaan dan pengetahuan pihak pengurusannya dengan budaya tempatan.

(b) keterampilannya pihak pengurusan memanfaatkan kekuatan budaya dalam pemasaran produk dan pengurusan personel tempatan.

Berdasarkan perspektif berkenaan, dicadangkan dua strategi yang boleh dipertimbangkan, pertama memberikan ruang yang lebih luas kepada suara para aktivis budaya dan sastera berperanan dalam BIMP-EAGA dengan menubuhkan satu kumpulan kerja (*working group*) sebagai saluran untuk mereka menyampaikan cadangan-cadangan strategik yang dapat membantu memperkukuhkan hubungan sosial dan ekonomi. Status kumpulan kerja ini hendaklah setaraf dengan 13 kumpulan kerja yang ada dalam BIMP-EAGA yang dibincangkan sebelum ini.

Strategi kedua, ialah menggalakkan dan membiayai kajian berkaitan dengan budaya pengurusan yang serasi dengan budaya tempatan negara-negara anggota EAGA. Hasil kajian ini hendaklah didokumentasikan dan dapat menjadi panduan peniaga dan pengurus yang berurusan secara langsung dalam budaya tempatan. Dalam konteks ini dicadangkan institusi khas dipertanggungjawabkan untuk melakukan 'penyelidikan dan pembangunan' (*research and development*) budaya pengurusan dalam EAGA.

Penutup

Latar belakang sejarah yang dibincangkan dalam kertas kerja ini cuba memberikan gambaran bahawa premis yang menyatakan bahawa sastera dan budaya dapat mengukuhkan hubungan ekonomi dan sosial, sebenarnya mempunyai asas sejarah yang mantap. Berdasarkan pengalaman sejarah itu kita dapat mengambil pengajaran untuk mengubah suai pendekatan sastera dan budaya dalam konteks mengukuhkan hubungan BIMP-EAGA yang berorientasikan pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Oleh itu, saya berpendapat di sinilah sebenarnya cabaran besar para aktivis sastera dan budaya – bagaimanakah kita dapat menjadikan sastera dan budaya berperanan secara berkesan dalam ruang lingkup yang berbeza sama sekali dengan pengalaman konvensional kita selama ini?

Nota hujung:

¹ Untuk perbincangan lanjut sila lihat JAC Mackie, *Konfrontasi; The Indonesia-Malaysia Dispute 1963-1966*, Australian Institute for International Affairs, Kuala Lumpur, 1974

² 13 Kumpulan Kerja yang dimaksudkan adalah seperti berikut:

<u>SECTORAL</u>	<u>LEAD COUNTRY</u>
1. Expansion of Air Linkages	Brunei
2. Telecommunications	Brunei
3. Environment Protection and Management	Brunei
4. Forestry	Indonesia
5. People Mobility	Indonesia
6. Expansion of Sea Transport & Shipping Services	Indonesia
7. Joint Tourism Development	Malaysia
8. Capital Formation and Financial Services	Malaysia
9. Human Resources Development	Malaysia
10. Energy	Malaysia
11. Expansion of Fisheries Co-operation	Philippines
12. Agro-Industry	Philippines
13. Construction and Construction Materials	Philippines

³ *Daily Express*, 6 Oktober 2003.

⁴ *Asiaweek*, June, 1994, hal.46.

⁵ Pelbagai cabaran lain yang dihadapi oleh BIMP-EAGA selain daripada yang dibincangkan dalam kertas kerja ini boleh dirujuk dalam artikel, Bilson Kurus, "The East Asean Growth Area: Prospects and Challenges", *Borneo Review* 6(I) (June 1995): hal.1-14.